

# 'Sekolahku Sejahtera' tangani gejala buli

Berita HARIAN (14/12/2021) M/S 08

KPM terap  
14 elemen usaha  
pertingkat nilai  
murni dalam  
kalangan pelajar

Oleh Luqman Arif Abdul  
Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pendidikan (KPM) akan menangani gejala buli yang masih berlarutan, dengan mempertingkatkan usaha menerapkan nilai murni dalam kalangan pelajar, termasuk melalui pendekatan baharu dinamakan 'Sekolahku Sejahtera'.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, mengaku masalah itu telah berlaku sejak sekian lama, khususnya membabitkan pelajar yang tinggal di asrama.

Menyedari hakikat itu, beliau berkata, justeru KPM kini pada peringkat akhir sesi libat urus bagi memuktamadkan kerangka 'Sekolahku Sejahtera' yang bakal menumpukan aspek penerapan nilai murni dalam kala-



Radzi ketika menggulung perbincangan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2022 Peringkat Jawatankuasa bagi KPM di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto twitter Radzi Jidin)

ngan pelajar.

"Ya bukan mata pelajaran baharu, namun pendekatan untuk menerapkan nilai murni dari peringkat awal persekolahan.

"Dalam konteks buli ini, kebanyakan pelaku tidak bertindak secara rasional, sebaliknya beranggapan bahawa mereka dalam kelompok ramai dan membuli rakan lain.

"Ya adalah antara punca keadaan ini sehingga membawa ke-

pada langkah mereka membuat keputusan yang tidak betul," katanya ketika menggulung perbincangan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2022 Peringkat Jawatankuasa bagi KPM di Dewan Rakyat, semalam.

Memperincikan lebih lanjut, Radzi berkata, 'Sekolahku Sejahtera' mengandungi 14 elemen yang akan diterapkan dalam sesi pembelajaran pelajar di kelas menggunakan kaedah secara ti-

dak langsung atau alamiah.

Secara keseluruhan, katanya, elemen berkenaan bakal memberi garis panduan kepada pelajar untuk membuat keputusan secara rasional, sekali gus mengelak daripada terjebak gejala buli.

Beliau turut memberi contoh insiden yang menimpa Pegawai Kadet Laut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Zulfarhan Osman Zulkarnain, yang meninggal dunia akibat tindakan sekumpulan pelajar di asrama pada 2017.

"Sekiranya mereka berfikir secara rasional, ia tidak akan berlaku.

"Jika mereka memikirkan kesan tindakan sedemikian terhadap diri, keluarga dan masa depan mereka yang amat besar, selain rakan-rakan sendiri, maka berkemungkinan buli tidak terjadi.

"Insya-Allah dalam tempoh terdekat, kita akan turun menceritakan mengenai 'Sekolahku Sejahtera' kerana tumpuan bukan hanya terarah kepada keperluan untuk anak-anak memahami konsep pembelajaran.

"Sebaliknya, mereka juga perlu memahami konsep lain menerusi 14 elemen yang akan terkandung dalam 'Sekolahku Sejahtera'," katanya.